

Sidang akademik 25-26 Mac

KOTA KINABALU: Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah akan men-
jurkan persidangan men-
genai kerjasama akademik
melibatkan negara-negara
Kawasan Pertumbuhan Asia
Timur (Brunei- Indonesia-
Malaysia-Filipina) pada 25
dan 26 Mac ini.

Persidangan itu yang
bertajuk Regional Conference
on Academic Cooperation di
BIMP-EAGA: Prospects and
Challenges diharap dapat
menarik agensi-agenasi dan
para petugas pembangunan
sosial, para penyelidik, tenaga
pengajar dan anggota
masyarakat yang berminat
bagi memikir dan membincang
kemungkinan-kemungkinan
serta cabaran dalam
sektor akademik di kawasan
ini.

Juga diharapkan bahawa
persidangan ini akan menjurus
kepada:

- Pembinaan hubungan
antara institusi-institusi
akademik di kawasan BIMP-
EAGA,

- Pengenalpastian bidang-
bidang yang boleh menjadi
tumpuan bersama untuk per-
tukaran akademik,

- Pengenalpastian pro-
gram-program penyelidikan
bersama/usaha sama, dan

- Perbincangan tentang
peranan saintis sosial dalam
membantu memantau kema-
juan dan dampak projek-pro-
jek yang dilaksanakan di
kawasan BIMP-EAGA.